

Coopmart ringan kos sara hidup

Sasar wujudkan lebih 500 kedai koperasi tawar barang harga patut

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan akan mewujudkan lebih 500 kedai koperasi atau Coopmart yang bukan sahaja membolehkan ahli menjana pendapatan melalui dividen, malah menawarkan barang keperluan asas dan pelbagai produk lain pada harga rendah serta berpatutan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata penubuhan Coopmart melalui pelbagai jenis koperasi itu adalah kerana kerajaan menyedari peranan besar yang mampu dimainkan pergerakan itu, termasuk membantu mengurangkan

kos sara hidup Keluarga Malaysia berikutan jumlah keanggotaan ahli koperasi yang ramai.

"Gerakan koperasi juga boleh menguasai sebahagian daripada pasaran pemborongan dan peruncitan, terutama sistem rantaian nilai bekalan barangan keperluan secara pukal melalui ekosistem yang komprehensif dan bersepadu.

"Sehingga Disember lalu, statistik Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menunjukkan 2,581 koperasi sektor pemborongan dan peruncitan sudah didaftarkan, dengan perolehan melebihi RM820 juta. Ini menunjukkan koperasi sektor pemborongan dan peruncitan berpotensi besar untuk dimajukan.

"Jika semua koperasi sektor pemborongan dan peruncitan bergerak secara proaktif dan bersepadu sebagai satu gerakan, setiap ahlinya juga akan menerima manfaat termasuk peningkatan taraf sosio ekonomi dan impaknya sangat besar kepada ekono-



Ismail Sabri melancarkan Coop Community Mart Koperasi Pudina Putrajaya Berhad, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

mi rakyat dan negara," katanya.

Ismail Sabri berkata demikian ketika melancar dan merasmikan Coop Community Mart Koperasi Pudina Putrajaya Berhad yang turut dihadiri Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar, di Presint 17, di sini semalam.

Perdana Menteri berkata, sektor koperasi tempatan didapati menawarkan peluang kepada Keluarga Malaysia untuk menjana pendapatan tambahan.

Kerajaan Persekutuan, katanya, pada pembentangan Bajet 2022, memperuntukkan RM10 juta di bawah Program Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi (TRANSFER) bagi memulihkan koperasi dan menjalankan aktiviti yang membantu menggerakkan ekonomi negara.

Turut disediakan, bantuan

naik taraf infrastruktur koperasi sektor pemborongan dan peruncitan berjumlah RM3.7 juta melalui Kumpulan Wang COVID-Kementerian Kewangan (PEMULIH), manakala RM16 juta dipeperuntukkan kepada koperasi sektor pemborongan dan peruncitan bagi 2021 hingga 2022.

Katanya, penubuhan Coopmart dapat memastikan manfaatnya dirasakan seluruh Keluarga Malaysia terutama di kawasan luar bandar dan mempunyai majoriti penduduk B40, selain ahli koperasi, pengguna dan usahawan terbabit dalam rantaian bekalan.

"Ini dapat dilihat melalui Coopmart milik Koperasi Pudina Putrajaya Berhad yang ditubuhkan dengan bantuan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan Kementerian Wilayah Persekutuan," ka-

tanya lagi.

Beliau berkata, Coopmart yang mendapat bekalan langsung daripada pembekal koperasi seperti Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) serta lain-lain pembekal dan penduduk setempat, menawarkan situasi menang-menang sejajar dengan semangat Keluarga Malaysia.

"Saya berharap ANGKASA sebagai koperasi puncak atau induk bersama-sama dengan kerajaan mempertingkatkan peranan Coopmart dan membantu koperasi yang ingin menceburi perniagaan sektor berkenaan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan melalui Program Coop Community Mart memperuntukkan sejumlah RM360,000 kepada dua koperasi di kawasan perumahan rakyat, dengan koperasi Pudina Putrajaya Berhad antara penerima manfaat.